

Pindaan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023)
Bagi Arahan Perbendaharaan (AP) 299

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuat Kuasa
AP 299	Resit Rasmi Dan Borang Yang Tidak Digunakan Atau Usang Atau Rosak	(a) Kebenaran Ketua Audit Negara, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Kelulusan Ketua Pengarah Arkib Negara hendaklah diperoleh sebelum Resit Rasmi dan borang seumpamanya yang tidak digunakan atau usang atau rosak disebabkan oleh bencana alam, kebakaran, dimakan anai-anai dan sebagainya hendak dilupuskan. Ketua Jabatan yang berkenaan hendaklah menghantar kepada Ketua Audit Negara, Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri dan Ketua Pengarah Arkib Negara senarai lengkap mengenai semua Resit Rasmi dan borang seumpamanya yang hendak dimusnahkan dan menyatakan justifikasi mengapa Resit Rasmi dan borang-borang itu tidak boleh digunakan lagi. (b) Pegawai Pengawal atau pegawai yang diberi kuasa oleh Pegawai Pengawal hendaklah melantik Lembaga Pemeriksa. Kementerian/ Jabatan hendaklah memusnahkan Resit Rasmi dan borang seumpamanya	28 November 2025

No. AP	Tajuk	Perincian AP	Tarikh Kuat Kuasa
		yang tidak digunakan atau usang atau rosak mengikut kaedah yang telah ditentukan oleh Lembaga Pemeriksa dan menyediakan perakuan pemusnahan dalam empat (4) salinan. Salinan pertama hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara, salinan kedua kepada Akauntan Negara atau Bendahari Negeri/ Akauntan Negeri, salinan ketiga kepada Ketua Pengarah Arkib Negara dan salinan keempat hendaklah disimpan oleh Kementerian/Jabatan berkenaan.	